

Siapa boleh turut serta dalam MFTN?

Jika anda termasuk dalam satu atau lebih daripada kategori ini, anda boleh mengambil kesempatan daripada peluang berfaedah yang terbuka kepada anda untuk turut serta dalam MFTN.

• **Pengurus hutan yang diperakui**

Peserta yang telah mendapat perakuan pengurus hutan daripada standard perakuan yang boleh dipercayai

• **Pengurus hutan yang tidak diperakui**

Peserta yang masih belum mendapat perakuan pengurusan hutan daripada standard perakuan yang boleh dipercayai

• **Pemproses**

Kilang papan dan kilang papan lapis

• **Pedagang**

Pengeluar, pengedar dan peruncit hasil keluaran pembalakan

• **Penentu**

Firma, syarikat, dan organisasi yang menentukan keluaran pembalakan

• **Pengguna Akhir**

Firma, syarikat dan organisasi dan individu yang menggunakan hasil keluaran pembalakan

Apa yang mesti anda lakukan supaya MFTN boleh membantu anda?

MFTN menghargai penyertaan anda, namun anda juga harus memainkan peranan.

Kemudian barulah hubungan boleh mendatangkan faedah bersama.

Penyertaan anda akan disemak secara berkala untuk memastikan syarat-syarat tertentu dipatuhi.



Seperti:

- Usaha bersama untuk sama-sama mengadakan penilaian dasar dan membina rangka tindakan, berkaitan dengan dasar dan amalan syarikat
- Usaha bersama dalam menilai rangka tindakan, berkaitan dengan pelaksanaan dasar dan amalan dalam menggalakkan pengurusan hutan bertanggungjawab
- Usaha bersama dalam mengeluarkan laporan berkala, berkaitan dengan rangka tindakan dalam pelaksanaan matlamat yang digariskan
- Pelantikan kaki tangan kanan sebagai orang yang menjadi penghubung dan gabenor rangka tindakan
- Pembayaran yuran penyertaan
- Patuh dengan semua undang-undang Malaysia yang relevan

Malaysia Forest & Trade Network

49 Jalan SS23/15 Taman SEA, 47400 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Tel : 6-03-7803 3772 Fax : 6-03-7803 5157

E-mail : mftn@wfw.org.my Website : www.forestandtradeasia.org



Suatu hari, tiada siapa yang ingin menyentuh mu.



Printed on Recycled Paper

Dan betapa peritnya untuk dia menerimanya sebagai suatu pengajaran.

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, perniagaan orang Malaysia yang tidak pernah ambil peduli dari mana datangnya kayu bagi hasil keluaran pembalakannya ini, mula jatuh ke tangan orang lain.

Dia tidak tahu mengapa, lagi pun, harga dan reka bentuk adalah isu sama.

Itu sebelum urusan sebenarnya tercapai.

Pertemuan tidak sengaja dengan Malaysia Forest & Trade Network (MFTN) menyedarkannya, MFTN menasihatkannya supaya mengkaji pengguna akhir.

Betul sekali, di negara pengguna, mereka kian prihatin tentang persekitaran.

Hingga ke hasil keluaran pembalakan yang mereka beli, mereka memastikan asal-usulnya adalah dari hutan yang diurus secara bertanggungjawab.

Memenuhi keprihatinan ini sememangnya menjadikan keluarannya diingini pembeli, kerana bilangan pengguna yang prihatin tentang persekitaran kian meningkat.

Dia sedar bahawa MFTN memudahkan hubungan dagangan antara syarikat yang begitu bersungguh-sungguh menyokong dan mencapai perhutanan bertanggungjawab.

Lantas, platform ini juga mewujudkan faedah ekonomi kepada perniagaan yang bergantung pada hutan di samping membantu memulihara hutan Malaysia.

Menjadi ahli MFTN tentunya memberikannya satu faedah yang ketara.

Tanpa disedari, dia mendapati dirinya keluar dari hutan.

Kini, walaupun ini merupakan senario hipotesis, ini mungkin amat terpakai buat anda.

MFTN? Siapa kami?

Hari berlalu, hutan dunia kian berhadapan dengan cabaran hanya semata-mata untuk mengekalkan cirinya.

Tentulah ada keinginan dan keperluan untuk memenuhi kehendak pengguna bagi hasil keluaran yang berasaskan pembalakan.

Lagipun, sumber di atas planet ini pun memanglah untuk manusia.

Walau bagaimanapun, terdapat keperluan yang nyata jika tidak mendesak pun, untuk memastikan dari mana datangnya sumber pembalakan, dan masih ada bagi generasi akan datang.

Di sinilah WWF boleh membantu.

WWF percaya bahawa pengurusan hutan yang bertanggungjawab dan pembelian hasil keluaran hutan yang bertanggungjawab saling bergantung antara satu sama lain.

Bersama-sama, kedua-dua amalan ini boleh dan akan memainkan peranan dalam menghapuskan pembalakan haram, yang akan membawa kepada pembaikan dalam pengurusan hutan.

Untuk membantu menghadapi cabaran yang dihadapi oleh penyokong dan pengamal perhutanan bertanggungjawab, WWF telah menubuhkan Global Forest & Trade Network (GFTN).

Malaysia Forest & Trade Network (MFTN) ialah GFTN Malaysia.

MFTN mewujudkan hubungan bersama antara WWF-Malaysia dan pengurus hutan, pemproses kayu, pedagang hasil hutan, penentu dan pengguna akhir yang berpangkalan di Malaysia.

Bagaimana anda boleh mendapat faedah dengan menyertai MFTN?

"Industri hasil keluaran hutan yang memerlukan sokongan perhutanan bertanggungjawab mestilah mengasimilasikan persekitaran dengan objektif sosial, bersama-sama objektif perniagaan."

Ini ialah papan anjal yang darinya MFTN beroperasi.

Dari sudut pandangan perniagaan, perhutanan bertanggungjawab bermula dengan keperluan untuk mengekalkan rantaian bekalan bahan mentah, di samping memenuhi keperluan untuk memuakan aspirasi pemegang saham dan untuk mengekalkan reputasi syarikat.

Untuk membolehkan dan memastikan perniagaan sebenarnya berhubung, MFTN menyediakan spektrum perkhidmatan kepada peserta:

- Maklumat dan bantuan teknikal terhadap pengurusan hutan bertanggungjawab
- Laluan untuk pensijilan yang boleh dipercayai
- Pengiktirafan pasaran untuk mendapatkan pensijilan hutan yang boleh dipercayai
- Akses terhadap pasaran pengguna yang bertanggungjawab
- Maklumat tentang spesies dan sumber kayu yang bukan tradisional atau kurang dikenali
- Bantuan dalam usaha untuk menggalakkan pembekal sedia ada untuk mendapatkan pensijilan hutan yang boleh dipercayai